

**BORANG PERMOHONAN DANA BANTUAN PENERBITAN
JUDUL-JUDUL MALYSIANA**

Bahan-bahan kandungan Malaysiana yang dikumpul oleh Kota Buku merangkumi semua kandungan yang berkaitan dengan perbankan islam, halal, pengurusan haji dan umrah, komoditi Malaysia, biodiversiti Malaysiadan sosio-budaya Malaysia yang diterbitkan oleh warganegara atau syarikat Malaysia. Dana bantuan penerbitan oleh Kota Buku ini diwujudkan untuk membantu para penerbit atau agensi-agensi yang mempunyai bahan penerbitan sedia ada atau pun bahan penerbitan baharu

Sila lengkapkan borang permohonan dana di bawah bersama dokumen-dokumen berikut:

- Salinan perjanjian bertulis dengan penulis asal judul (**MESTI DISERTAKAN JIKA ADA**)
- Halaman kandungan (*table of content*) dan contoh bab (**MESTI DISERTAKAN**)

Sila hantarkan permohonan anda kepada alamat berikut:

Perbadanan Kota Buku

Aras 24, Menara Maju, 1001, Jalan Sultan Ismail
50250, Kuala Lumpur
(U/P: Editor Kota Buku)

Atau emelkan borang permohonan ini kepada: **malaysiana@kotabuku.my**

MAKLUMAT PEMOHON

- a) Nama Syarikat/
Organisasi:
- b) Alamat
Syarikat/
Organisasi:
- c) No. Telefon:
- d) No.Faks:
- e) Alamat E-Mel:

MAKLUMAT PENERBITAN

BIL	JUDUL	MEDIUM BAHASA	DESKRIPSI KANDUNGAN	TARIKH PENERBITAN
1				
2				
3				
4				
5				

f) *Tetapan Harga Pasaran:

g) Sila tandakan (√) pada kategori penerbitan judul Malaysiana yang ingin dipohon:

BIL	KATEGORI MALAYSIANA	(√)
1	ISLAMIKA MALAYSIANA <i>Merangkumi judul-judul perbankan, kewangan, takaful dan apa saja berkenaan bidang kewangan Islam yang dipelopori oleh Malaysia</i>	
2	HALAL <i>Pengurusan Halal merupakan salah satu bidang yang diterajui oleh Malaysia di peringkat dunia. Banyak dokumen-dokumen berkenaan isu-isu halal termasuk definisi, penyelidikan, pensijilan dan polisi halal telah diterbitkan di Malaysia.</i>	
3	PENGURUSAN HAJI DAN UMRAH <i>Pendokumentasian melalui Tabung Haji yang mempunyai sistem pengurusan haji antara yang terbaik di dunia</i>	
4	KOMODITI MALAYSIA <i>Bidang komoditi Malaysia merangkumi bidang-bidang penghasilan bahan-bahan komoditi Malaysia yang luas seperti Minyak Sawit dan Getah Asli</i>	
5	BIODIVERSITI MALAYSIA <i>Malaysia memiliki biodiversiti yang luas dan unik seperti flora dan fauna. Banyak judul yang telah diterbitkan dan juga banyak lagi yang perlu diterbitkan</i>	
6	SOSIOBUDAYA MALAYSIA <i>Mengetengahkan bidang-bidang yang sangat unik dalam konteks negara Malaysia seperti makanan, pakaian, cara hidup, kebudayaan dan juga warisan-warisan negara.</i>	

LAIN-LAIN MAKLUMAT

h) Adakah pemohon pernah/sedang mendapat tajaan pembiayaan/geran daripada mana-mana organisasi selain Kota Buku?

YA

TIDAK

Jika YA, sila isikan ruangan di bawah:

Nama Organisasi yang Menaja:

Jumlah Tajaan: RM

**Permohonan ini tertakluk di bawah semua terma dan syarat yang dikenakan oleh Perbadanan Kota Buku.
Sila rujuk di halaman seterusnya*

TERMA DAN SYARAT

1. Pemohon hendaklah seorang **warganegara Malaysia** dan setiap penerbit atau pemilik kandungan boleh menghantar sehingga maksimum **lima (5)** judul untuk setiap pusingan pemilihan.
2. Syarikat atau individu berhak memohon dan keutamaan akan diberikan kepada ahli-ahli yang bergabung dengan Malaysian Book Industry Council (MBIC) dan Persatuan Penulis yang diiktiraf.
3. Pemohon mestilah memiliki hak cipta karya tersebut sepenuhnya dan merupakan karya asli.
4. Setiap judul yang terpilih akan diterbitkan secara bersama dengan Perbadanan Kota Buku sebagai edisi digital dan *Print-on-Demand* (jika judul baru).
5. Judul yang dipohon boleh sama ada telah diterbitkan dengan tujuan untuk diterbitkan semula sebagai edisi baru atau masih di peringkat cadangan. Bagi judul yang ingin dicadangkan, penerbit atau penulis hendaklah menyediakan sinopsis dan kandungan sewaktu penyerahan dibuat.
6. Bagi judul yang belum diterbitkan, ia akan diterbitkan secara *Print-on-Demand* khusus bagi tujuan pemasaran hak cipta di pesta-pesta buku antarabangsa yang disertai Kota Buku. Judul yang sama akan diterbitkan secara digital untuk tujuan pemasaran edisi ebook.
7. Dana yang diperuntukkan adalah sehingga RM7,000.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Ribu Sahaja) bagi setiap judul. Namun bagi judul yang bersifat jilid, kadar peruntukannya boleh dipertimbangkan.
8. Penyaluran dana adalah sebanyak 30% sebaik sahaja selepas pengesahan kelulusan, 20% selepas 8 minggu (bagi judul baru) dan baki 50% selepas manuskrip diterima sepenuhnya. Manakala bagi judul yang telah diterbitkan, pemohon yang berjaya akan menerima jumlah penuh peruntukan bagi setiap judul selepas perjanjian agensi hak cipta ditandatangani antara Perbadanan Kota Buku dan pihak penerbit atau penulis.
9. Bagi judul baru, manuskrip lengkap/kertas cadangan penulisan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya pada **30 Jun 2017** dalam **tiga (3) salinan bercetak bagi setiap judul** yang dipohon dan juga melalui **emel malaysiana@kotabuku.my**
10. Judul-judul yang terpilih akan diterbitkan secara bersama antara Kota Buku dan Individu atau penerbit. Perbadanan Kota Buku akan menjadi agensi hak cipta dan bahan berkenaan **secara eksklusif** untuk tujuan pemasaran hak cipta dan e-buku ke luar negara. Bagi buku yang pernah terbit sebelum ini, Kota Buku akan hanya menjadi penerbit bersama bagi edisi digital sahaja.
11. Judul baru yang telah diluluskan adalah milik bersama Kota Buku dan penerbit. Sehubungan itu, penerbit dilarang untuk menerbit atau melakukan penyesuaian bagi membangunkan kandungan yang sama untuk tujuan penerbitan berasingan.
12. Pemohon yang berjaya perlu menandatangani perjanjian hak cipta dan pengedaran e-buku bersama Kota Buku.
13. Penerbit/penulis yang berjaya perlu menandatangani perjanjian hak cipta bersama Perbadanan Kota Buku.
14. Penerbit hasil kerja/penulisan **WAJIB** menamakan PERBADANAN KOTA BUKU sebagai penaja dalam cetakan buku (*imprint*) dan **WAJIB** memaparkan logo PERBADANAN KOTA BUKU. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, PERBADANAN KOTA BUKU berhak menagguhkan pembayaran geran/penajaan.

Saya **bersetuju** dengan semua terma dan syarat di atas serta turut **bersetuju** untuk melantik PERBADANAN KOTA BUKU sebagai ejen hak cipta bagi penulisan/hasil kerja saya.

Tandatangan Pemohon,

.....

Nama:

Jawatan/Organisasi:

Emel/No.Telefon:

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja:

Diluluskan dengan jumlah sebanyak _____

Tidak Diluluskan

.....

Pengerusi Jawatankuasa